

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Tumpat** atas soalan yang dikemukakan.

2. Sebagai sebuah pertubuhan antarabangsa kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, OIC sentiasa memperjuangkan kepentingan negara-negara Islam dan komuniti Islam di negara-negara bukan Islam sejak ia ditubuhkan. Dalam hal ini, OIC telah memainkan peranannya di dalam menangani pelbagai isu yang dihadapi oleh umat Islam sejagat, termasuk penyelesaian konflik, pembangunan ekonomi, promosi sosio-budaya dan bantuan kemanusiaan, berlandaskan kepada Piagam OIC.

3. Contohnya, berhubung dengan penyelesaian konflik, OIC telah menubuhkan beberapa Kumpulan Perhubungan di Peringkat Menteri, termasuk untuk membantu dan mencari jalan penyelesaian kepada konflik Palestin-Israel, Somalia, Bosnia dan Herzegovina, Sierra Leone, Masyarakat Minoriti Islam di Rohingya dan melindungi kesucian kota Al-Quds Al-Sharif, termasuk Masjid Al-Aqsa. Malaysia telah menganggotai Kumpulan Perhubungan OIC tersebut supaya kita dapat membantu OIC mencari jalan penyelesaian isu-isu tersebut.

4. Dalam konteks pembangunan ekonomi dan pembasmian kemiskinan pula, contohnya, melalui beberapa organ subsidiari OIC, seperti "Islamic Solidarity Fund", "Islamic Fiqh Academy", "Islamic University of Technology" dan "Islamic Centre for Development of Trade", pertubuhan tersebut telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk membantu negara-negara anggotanya. Malaysia merupakan penyumbang kewangan ke-enam tertinggi kepada OIC di kalangan negara-negara pertubuhan tersebut.

5. Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Luar Negeri untuk meningkatkan peranan OIC adalah seperti berikut:

- Pelantikan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Syed Hamid Albar, mantan Menteri Luar Negeri Malaysia sebagai Wakil Khas OIC ke Myanmar pada tahun ini untuk membantu Setiausaha Agung OIC mengenalpasti langkah-langkah untuk menyelesaikan isu Rohingya, seperti pemberian taraf warganegara, keselamatan, dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat tersebut;
- Melaksanakan Fasa Kedua Program Bina Upaya untuk negara-negara OIC yang mundur. Kementerian akan mengenalpasti projek-projek pembangunan, latihan dan program bina upaya yang diperlukan oleh negara-negara tersebut. Untuk makluman, di Fasa Pertama, Malaysia telah melaksanakan projek penanaman kelapa sawit di Sierra Leone, projek latihan perikanan di Bangladesh dan latihan carigali gas dan petroleum di Mauritania;
- Meneruskan penganjuran Forum Ekonomi Islam Sedunia (*World Islamic Economic Forum – WIEF*) yang merupakan platform strategik dalam menggalakkan kerjasama perdagangan antara negara-negara OIC dengan Negara-negara bukan Islam. Penganjuran Forum ini di Islamabad, Kuwait, Jakarta, Astana, London dan Dubai telah membuktikan penerimaan masyarakat antarabangsa terhadap kepentingan dan keberkesanan Forum ini di persada dunia. Contohnya, di Forum WIEF Ke-10, lebih daripada 3,200 peserta daripada 108 negara-negara Islam dan bukan Islam telah menghadiri Forum tersebut; dan
- Penglibatan Kementerian di dalam merangka Program Tindakan Sepuluh Tahun OIC yang baru bagi tempoh 2016-2025 (*OIC The-Year Plan of Action - OIC TYPOA 2016-2025*) bertujuan untuk membantu pembangunan di negara-negara Islam dalam pelbagai sektor, seperti ekonomi, perdagangan, pendidikan, kesihatan, pertanian, permerkasaan wanita dan pelancongan.

6. Kita tidak boleh menafikan bahawa sejak penubuhan OIC pada tahun 1969, banyak negara Islam telah mendapat manfaat daripada pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan di bawah kerangka OIC. Malaysia akan terus menyokong dan menghulurkan bantuan kepada OIC di dalam usaha-usaha membangunkan negara-negara anggotanya demi kesejahteraan umat Islam sejagat.

7. Adalah harapan saya, dengan penjelasan yang telah diberikan, Yang Berhormat Tumpat dapat membetulkan persepsi beliau yang tidak tepat terhadap Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Sekian, terima kasih.